



ROZI BINTI TAMIN / CQA <t_rozi@upm.edu.my>

PEMAKLUMAN TARIKH AUDIT DALAMAN ISMS DAN EMS UPM TAHUN 2019

1 message

INFO UPM / UPM <info@upm.edu.my>

Thu, Apr 25, 2019 at 2:50 PM

To: ALL UPM <one@upm.edu.my>

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sebagaimana yang dijadualkan dan selaras dengan keperluan Standard ISO, Audit Dalaman perlu dilaksanakan bagi mengekalkan pensijilan ISO/IEC 27001:2013 dan ISO 14001:2015 di UPM.

Sehubungan itu, audit dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2015 Universiti Putra Malaysia akan diadakan sebagaimana tarikh berikut:

1. Audit Dalaman ISMS pada 13 hingga 16 Mei 2019; dan
2. Audit Dalaman EMS pada 24 hingga 27 Jun 2019.

Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman ISMS dan EMS akan diadakan pada 13 Mei 2019 jam 9.00 pagi, manakala Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman ISMS dan EMS akan diadakan pada 9 Julai 2019 jam 9.00 pagi.

Semua PTJ di bawah skop pensijilan ini adalah dimohon melaksanakan semakan sendiri sebagai persediaan menghadapi audit dalaman.

Perhatian dan kerjasama daripada warga UPM didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Rozi binti Tamin
Ketua Seksyen Audit Kualiti
Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan
Pusat Jaminan Kualiti
Universiti Putra Malaysia

Tel: 03-9769 1512
Faks: 03-9769 1489

MAKLUMAN KEPADA PENERIMA EMAIL

Mohon penerima **TIDAK BALAS** kepada emel ini.

Emel ini merupakan hebahan maklumat rasmi UPM kepada semua staf UPM. Sebarang permohonan hebahan kepada semua warga UPM hendaklah dihantar kepada buletin@upm.edu.my. Setiap maklumat akan ditapis terlebih dahulu dan hanya maklumat yang penting sahaja akan dihantar semula melalui emel **INFO UPM**. Pastikan maklumat perhubungan lengkap bagi memudahkan untuk dihubungi.